

PROGRAM LATIHAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

DIPLOMA KESIHATAN PERSEKITARAN

Kod Skim Latihan (2751)

Mereka yang dilantik sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran akan melibatkan tugas-tugas pengawalan penyakit berjangkit, kawalan mutu air, kawalan makanan serta pelupusan kumbahan dan perparitan.

DESKRIPSI TUGAS

Memberi perkhidmatan kepada unit-unit yang berada dibawah Kementerian Kesihatan atau agensi-agensi Kerajaan seperti berikut :

- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan
- Kementerian Pertahanan Malaysia

Bertanggungjawab dalam bidang berikut :

- Pengawalan Penyakit Berjangkit
- Pengawalan Mutu Air
- Pengawalan Mutu Makanan dan Perlesenan
- Pelupusan Kumbahan & Perparitan
- Pengurusan Sisa-sisa Pepejal

Segala tugas di atas melibatkan laporan pemeriksaan dan tindakan pemulihan serta cadangan-cadangan untuk pemulihan.

KURIKULUM LATIHAN KESIHATAN PERSEKITARAN

Tempoh Latihan : 3 tahun (6 semester) meliputi subjek seperti berikut :-

- Anatomi
- Pendidikan Kesihatan
- Sains Am
- Kebersihan Makanan
- Teknologi Maklumat
- Sanitasi Persekitaran

A. SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN

Pemohon hendaklah terdiri daripada

- Warganegara Malaysia
- Lelaki / Perempuan (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan
- Kelayakan :
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - Lulus Bahasa Malaysia (termasuk Lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

B. KEUTAMAAN PEMILIHAN

Kursus Diploma Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran - Kod Skim Latihan (2751).

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan kepujian matapelajaran Matematik dan dua matapelajaran Sains.
- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.
 - o Tidak buta warna
 - o Tidak 'on treatment' untuk sebarang penyakit.

